

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)50

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

50. Huraikan kapasiti harian pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua.
- (a) Jelaskan purata kapasiti efektif air setiap bulan di Empangan Teluk Bahang, Air Itam dan Mengkuang.
 - (b) Apakah status projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak?
 - (c) Huraikan perancangan untuk merawat air mentah Sungai Perai dan Sungai Juru.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

50. (a) Pihak Perbadanan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) memaklumkan bahawa kapasiti harian pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua adalah purata 950 juta liter sehari. Kapasiti efektif air setiap bulan di Empangan Teluk Bahang, Air Itam dan Mengkuang adalah seperti berikut:

Tahun 2021	KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN (%)		
	Air Itam	Teluk Bahang	Mengkuang
Januari	96.9	61.5	94.3
Februari	83.6	59.0	95.0
Mac	70.9	55.2	93.5
April	66.2	53.2	93.9
Mei	66.7	53.3	94.9
Jun	60.4	53.9	93.1
Julai	60.4	58.6	93.4
Ogos	69.9	62.3	94.5
September	89.3	69.0	93.6
Oktober	87.0	76.8	92.9

(b) Pihak PBAPP memaklumkan status projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) adalah seperti berikut:

- (i) Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum menerima maklum balas lanjut berkenaan surat permohonan rasmi Ketua Menteri bertarikh 19 Oktober 2020 kepada Menteri Alam Sekitar dan Air

mengenai permohonan untuk membeli air mentah dengan harga yang berpatutan;

(ii) Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menulis kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melalui surat bertarikh 10 Disember 2020 dengan menawarkan harga air mentah yang lebih tinggi dari sebelumnya atau bersamaan dengan kadar yang digunakan dalam perjanjian penjualan air mentah oleh Negeri Pahang kepada Negeri Selangor;

(iii) Menteri Besar Negeri Perak memaklumkan bahawa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) sedang melaksanakan kajian mengenai keupayaan Sungai Perak untuk menampung keperluan air. Kerajaan Negeri Perak mengambil maklum opsyen-opsyen yang dibentang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti kadar air mentah yang lebih tinggi dan cadangan usahasama loji rawatan air Sungai Kerian. Kajian dijangka siap pada November 2021; dan

- (iv) Kementerian Alam Sekitar & Air (KASA) telah melantik konsultan untuk kajian Penilaian Opsyen dan Pra-Rekabentuk Kejuruteraan SPRWTS. Kajian dijangka siap pada bulan November 2021.
- (c) Pihak PBAPP memaklumkan perancangan untuk merawat air mentah Sungai Perai dan Sungai Juru adalah melalui Skim Bekalan Air Sungai Perai (SPWSS) yang bertujuan untuk memanfaatkan Sungai Perai sebagai sumber air mentah tambahan untuk Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kajian kejuruteraan sebelum ini menunjukkan air mentah dari sungai ini mungkin tidak selamat dirawat dengan menggunakan teknologi rawatan air konvensional. Oleh itu, SPWSS akan meneroka kemungkinan menggunakan teknologi rawatan air alternatif untuk merawat air mentah dengan selamat. Sungai Juru tidak dipertimbangkan sebagai sumber air mentah kerana kualiti dan kuantiti air mentah berada pada tahap tidak memuaskan.

Pihak Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melihat potensi Sungai Perai sebagai sumber alternatif bekalan air mentah bagi memenuhi keperluan rakyat di negeri ini. Walaupun kapasiti air Sungai Perai tidak mampu memenuhi keperluan rakyat di negeri ini secara keseluruhannya namun mampu menjadi sumber bekalan air mentah tambahan bagi Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang.